

## Maklumat Komoditi : Kobis

### Sistem Penanaman

#### Keperluan Benih

Sebanyak lebih kurang 250 - 300 gm benih diperlukan untuk 1 hektar.

#### Penyediaan Anak Benih

##### Semaian Benih

Tanah dibajak putar dan digembur. Batas berukuran 10 m x 1 m. Baja NPKMg 12:12:17:2 sebanyak 500 gm ditabur diatas batas dan digaul ke dalam tanah. Biji benih digaul dengan thiram atau Captan pada kadar 3 gm/1000 biji benih dan ditabur dalam jalur(2 cm) dalam jarak 4 – 6 cm. Kemudian batas dinaungkan dengan daun kelapa atau jaring plastik. Tiga minggu selepas menabur anak benih disemur dengan 0.1 % larutan urea ( 1 gm urea/ liter air). Disiram setiap hari jika tiada hujan. Racun kulat dan serangga disemur seminggu sekali. Pada umur 4 minggu anak benih mempunyai 4 – 5 helai daun dan sedia untuk ditanam diladang. Naungan ditanggalkan beberapa hari sebelum mengubah untuk mengeraskan anak benih.

##### Penyediaan Kawasan Penanaman

Kawasan yang telah dibersihkan dibajak dan digembur. Pengapuran diberikan dan kadar bergantung kepada kemasaman tanah. Batas berukuran 1.2 m lebar dan 20 – 30 cm tinggi dibuat. Jarak antara satu batas dengan batas yang lain ialah 0.6 m. Baja organik (tahi ayam) ditaburkan dalam 2 barisan tanaman dan digaulkan kedalam tanah.

##### Teknik Penanaman

Anak kubis yang mempunyai 4 – 5 helai daun berumur lebih kurang 4 minggu ditanam ke atas batas dengan jarak 60 cm x 60 cm dalam 2 barisan memberikan jumlah 17,500 pokok/ha.